

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]
TARIKH : 25.5.2016
SOALAN :

Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak kementerian pendidikan bercadang menjadikan subjek sejarah sebagai subjek wajib lulus diperingkat PT3 kerana ia akan membantu kesedian dan kefahaman pelajar untuk lebih bersifat patriotik dan bersedia menghadapi SPM kelak yang telah menjadikan sejarah sebagai salah satu subjek wajib lulus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk menjadikan Mata pelajaran Sejarah sebagai wajib lulus di peringkat PT3. PT3 adalah satu daripada empat komponen Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PT3 bukanlah peperiksaan peringkat pensijilan dan pelaporan PT3 tidak melaporkan sama ada murid lulus atau gagal. Sebaliknya PT3 merupakan pentaksiran sumatif yang setara di Tingkatan 3 bagi menilai pencapaian akademik calon dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai secara menyeluruh di peringkat menengah rendah.

Di peringkat pendidikan menengah rendah, KPM mendapati mata pelajaran Sejarah lebih sesuai diukur melalui pelbagai instrumen yang memerlukan murid membuat kajian, rujukan dan mempersembahkan hasil kajian atau laporan dengan kreatif dan kritis. Kemahiran yang diperoleh melalui pelbagai instrumen seperti kemahiran '*learn how to learn*' iaitu mencari maklumat daripada sumber yang sahih akan digunakan semasa murid menjawab soalan-soalan sejarah di peringkat menengah atas.

Objektif mata pelajaran Sejarah adalah berfokus kepada domain pengetahuan, afektif, nilai, dan dan kemahiran di samping menekankan kepada penghayatan terhadap nilai sejarah dan menanam semangat patriotisme.

RJM67